



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 9 pagi, 22 September 2026.

Untuk Terbitan Media
22 September 2026

SIARAN MEDIA

FESTIVAL MEGA ILINDUNGU BUKA LALUAN KERJAYA, 523 BERJAYA DITAWARKAN KERJA DAN LEPAS SARINGAN TEMU DUGA

KUALA LUMPUR: Sebanyak 523 pencari kerja berjaya mendapat pekerjaan, dengan anggaran gaji hingga RM5,000 menerusi Karnival LINDUNG Kerjaya MYFutureJobs yang berlangsung sempena Festival Mega iLINDUNGu: KESUMA Bersama Rakyat di Strand Mall, hujung minggu lepas.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memaklumkan, pendekatan itu selari agenda kerajaan untuk memperkukuh pasaran buruh negara dengan memastikan pertumbuhan peluang pekerjaan turut disokong sistem padanan tenaga kerja yang lebih cekap, responsif dan dinamik.

“Ini adalah usaha berterusan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Ramanan Ramakrishnan dan KESUMA menerusi PERKESO untuk membantu mengurangkan kadar pengangguran dan memastikan isu ketidakpadanan antara pencari kerja dengan keperluan industri dapat dikurangkan.

“Kejayaan ini juga menunjukkan MYFutureJobs memainkan peranan penting dalam memperkukuh padanan pekerjaan, dengan membantu pencari kerja mendapatkan peluang yang selari dengan kemahiran dan keperluan industri,” menurut kenyataan dikeluarkan PERKESO, hari ini.

Sabtu lalu, Ramanan turut mengumumkan pindaan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang akan mula berkuat kuasa 1 Oktober ini, dengan memperuntukkan peningkatan Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) kepada 50 peratus daripada baki Elaun Mencari Pekerjaan (EMP).

Selain penyaluran Elaun Bantuan Mobiliti sebanyak RM1,000 secara sekali bayar bagi mempermudah peralihan kerjaya, pindaan terbaharu berkenaan menyaksikan Fi Latihan dinaikkan kepada maksimum RM7,000 dan elaun latihan menjadi RM30 sehari.

Malah, pengumuman tajaan oleh penyedia perkhidmatan gig, iaitu Foodpanda, Grab Malaysia dan HALO Delivery untuk membiayai caruman PERKESO, menjangkau lebih RM1.5 juta ternyata memperkasa perlindungan sosial bagi penggerak sektor gig.

Dalam pada itu, PERKESO berkata, festival itu turut memberi manfaat kepada golongan majikan apabila Bahagian Caruman dan Penguatkuasaan PERKESO merekodkan urusan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) bernilai RM1.02 juta sepanjang Sabtu dan Ahad.

Daripada perangkaan tersebut, diskaun FCLB berkadar 80 peratus kepada majikan yang layak adalah berjumlah RM818,238.

“Sepanjang tiga hari penganjuran, sebanyak 2,654 majikan mendapatkan perkhidmatan di Bahagian Caruman dan Penguatkuasaan, termasuk urusan FCLB melibatkan 748 majikan serta pelbagai urusan berkaitan PERKESO.

“Kaunter perlindungan sosial seperti LINDUNG Kendiri, LINDUNG Kasih dan LINDUNG 24 Jam turut mendapat sambutan menggalakkan sepanjang festival, menunjukkan masyarakat ingin mendapatkan maklumat berkaitan perlindungan sosial disediakan PERKESO.

“Bahkan, festival ini juga mendapat sambutan yang sangat baik, merekodkan kehadiran lebih 45,000 pengunjung sepanjang tiga hari ia berlangsung,” ujarnya.

Tambah PERKESO, kejayaan program tersebut memperlihatkan bahawa pendekatan turun padang mampu membawa perkhidmatan PERKESO lebih dekat kepada masyarakat.

Katanya lagi, festival berkenaan turut mencerminkan aspirasi KESUMA Bersama Rakyat dengan menghimpunkan peluang pekerjaan, perlindungan sosial dan khidmat PERKESO dalam satu platform.

“Ukuran kejayaan kita bukan pada berapa ramai yang hadir, tetapi berapa ramai yang pulang dengan sesuatu yang lebih baik. Ada yang mendapat pekerjaan, ada yang mendapat perlindungan dan ada majikan yang mendapat penyelesaian.

“Rakyat bukan sekadar mahu tahu apa yang kerajaan sediakan, mereka mahu melihat bagaimana ia membantu kehidupan mereka. Inilah makna sebenar KESUMA Bersama Rakyat,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai LINDUNG PEKERJA, Akta 800 sebagai LINDUNG KERJAYA, Akta 789 (SKSPS) sebagai LINDUNG KENDIRI, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai LINDUNG KASIH. Sementara itu, bermula 1 Jun 2026, LINDUNG 24 Jam dikuatkuasakan yang memberi perlindungan jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja di dalam negara bagi pekerja yang mencarum LINDUNG Pekerja. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

22 September 2026